

01 OCT 1998

BN SABAH LULUS RESOLUSI SOKONG DR MAHATHIR

KOTA KINABALU, 1 Okt (Bernama) -- Badan Perhubungan Barisan Nasional negeri hari ini meluluskan tiga resolusi menyokong langkah-langkah yang diambil Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menangani masalah ekonomi dan berhubung pemecatan bekas timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Badan perhubungan itu, dalam satu kenyataan yang dikeluarkan hari ini, berkata resolusi itu diluluskan pada mesyuarat badan perhubungan itu di sini hari ini.

Resolusi pertama ialah untuk menyokong langkah-langkah yang diambil Dr Mahathir bagi memulihkan ekonomi, dan untuk melaksanakan langkah-langkah itu sebaik mungkin oleh kerajaan BN negeri.

Kenyataan itu ditandatangani Pengerusi BN negeri Tan Sri Bernard Dompok, yang juga ketua menteri, Setiausaha BN negeri Datuk Karim Bujang dan Bendaharinya Datuk Musa Aman.

Menurut kenyataan itu, mesyuarat itu juga mengisytiharkan sokongan terhadap pendekatan yang diambil Dr Mahathir untuk menyelesaikan isu yang membabitkan Anwar termasuk langkah-langkah yang diambil pihak berkuasa dalam mengekalkan keamanan di negara ini.

Resolusi ketiga ialah untuk menggesa parti-parti komponen BN di Sabah supaya menghalang anggota mereka daripada mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti yang mungkin menjejaskan keamanan, harmoni dan kestabilan di negeri ini.

-- BERNAMA

KG AKD